



PEMBEDAHAN HYEMENOPLASTI MENURUT PERSPEKTIF MAQĀSID SHARĪ'AH

HYMENOPLASTY SURGERY FROM THE PERSPECTIVE OF MAQĀSID AL-SYARI'AH

* Abdul Rahim Mohd Din

Madrasah Moden Terengganu Besut, Padang Landak, 22000 Jerreh, Terengganu.

* Corresponding author. E-mail: abdurahimmohddin@gmail.com

ABSTRACT

Virginity is very precious for women. The development and advancement of science and technology today has successfully created treatments for hymen repair. Women who break their virginity, face accusations and ridicule from society even though they are free from heinous acts such as adultery. Thus, this study aims to analyse Islamic jurisprudence of this problem. Whereby this study has three objectives. First, to reject the accusations and bad thoughts thrown at those who break their virginity and clear the accusations of those who are the victims as they are free from heinous acts such as adultery. Second, to distinguish the laws of hymen restoration of different conditions of its damages and distinguish women whose hymen ruptured for various reasons. Third, to explain the views of contemporary scholars on the restoration of the hymen and the interpretation of the views of scholars based on the *maqāsid shariah*. The methodology used was a documentary research. The study's findings found that the laws related to hymen restoration must be in detail form based on the differences of circumstances occur. The implication of setting an absolute haram law is contrary to the tolerance found in Islam.

Keywords: *Hymenoplasty Surgery, hymen, maqāsid shariah, women, fiqh al-usrah*



ABSTRAK

Dara adalah sangat berharga bagi wanita. Perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi hari ini telah berjaya mencipta rawatan untuk pemulihan selaput dara. Wanita yang pecah daranya menghadapi tohmahan dan ejekan daripada manusia sekalipun mereka suci dari perbuatan keji seperti zina. Justeru, kajian ini adalah untuk memberi jawapan kepada hukum permasalahan ini dari perspektif Islam. Kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, menolak tohmahan dan sangka buruk yang dilontarkan ke atas mereka yang pecah daranya dan membersihkan mereka yang menjadi mangsa tohmahan sedangkan mereka suci dari perbuatan keji seperti zina. Kedua, membezakan hukum pemulihan selaput dara yang berbeza keadaan kerosakannya dan membezakan perempuan yang pecah selaput daranya dengan sebab-sebab yang berbeza. Ketiga, menjelaskan pandangan ulama kontemporari tentang pemulihan selaput dara serta pentarjihan pandangan ulama berdasarkan maqāsid syariah. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan. Dapatan hasil kajian mendapati bahawa hukum-hukum yang berkaitan dengan pemulihan selaput dara mestilah diperincikan berdasarkan perbezaan keadaan yang berlaku. Implikasi menetapkan hukum haram secara mutlak adalah bercanggah dengan toleransi yang terdapat di dalam Islam.

Kata kunci: *Pembedahan hymenoplasti, selaput dara, maqāsid syariah, wanita, fiqh al-usrah*

Pendahuluan

Hymen (selaput dara) adalah lapisan nipis tisu mukosa yang berada di sekeliling atau sebahagian kawasan yang menutupi bahagian luar pembukaan vagina. Ia sebahagian daripada vulva, atau alat kelamin luaran (bahagian luar). ia sama strukturnya dengan vagina (Heger, 2000). Ia disebut sebagai غشاء العذرة di dalam bahasa Arab. Perempuan yang dara adalah perempuan yang tidak pernah disetubuhi oleh lelaki (Ibnu Manzur, t.t). Kedudukan dara adalah seperti anggota yang lain, terdedah kepada kecederaan samada kecil atau menyeluruh. Hilang atau pecahnya dara berlaku kerana sebab-sebab yang tertentu samada secara semula jadi atau disebabkan kejadian yang disengajakan atau sebaliknya. Maksud pemulihan selaput dara ialah mengembalikan selaput dara yang pecah atau hilang kepada kejadiannya yang asal. Pemulihan ini dilakukan dengan pembedahan oleh doktor-doktor pakar (Naim Yasin, 1996).

Pembedahan Hyemenoplasti dan Kepentingannya

Selaput dara menjadi tanda kesucian seseorang wanita terpelihara. Menjadi kebiasaan di dalam masyarakat mementingkan soal dara bagi pengantin wanita untuk menentukan kehormatan seseorang wanita dari dicemari oleh mana-mana lelaki. Amat malang sekali apabila wanita menjadi mangsa setelah disedari pada malam pertama oleh suaminya ketiadaan dara isterinya. Sebenarnya kehilangan dara bukanlah hanya kerana perbuatan zina, malah terdapat faktor-faktor yang lain. Salah sangka seperti itu terjadi kerana terdapat gadis yang mempunyai selaput dara yang amat tipis sehingga disebabkan gerakan yang agak keras, selaput daranya menjadi rosak dan pecah. Hal ini tidak diketahui sama sekali dan tidak disedari kecuali pada malam pertama perkahwinannya iaitu pada saat persetubuhan pertama dengan suaminya. Pada saat itulah ia disangka telah ternoda kesucian dirinya, padahal ia sama sekali bersih dari



perbuatan yang memalukan itu. Sebaliknya, ada juga gadis yang mempunyai selaput dara yang tebal (elastik) sehingga setelah gadis itu telah disetubuhi, selaput daranya dapat pulih kembali. Selaput dara seperti ini akan rosak setelah wanita tersebut melahirkan anak, bahkan kadang-kadang dapat bertahan, dan dengan demikian maka selaput dara wanita itu masih ada. (Muhammad 'Ali Qutb, 1990).

Dara adalah sifat wanita yang dikehendaki oleh kebanyakan lelaki dan syara' menggalakkan supaya mendahulukan wanita yang dara berbanding yang telah janda untuk dikahwini. Terdapat hadith yang menggalakkan supaya lelaki berkahwin dengan wanita masih dara. Sabda Nabi saw kepada Jabir bin 'Abdullah :

هَلْ تَزَوَّجْتَ بِكَرٍّ أَمْ تَيْبًا فَقُلْتُ تَزَوَّجْتُ تَيْبًا فَقَالَ هَلَّا تَزَوَّجْتَ بِكَرٍّ ثَلَاغِيهَا وَثَلَاغِيكَ

Terjemahan: Adakah kamu berkahwin dengan perawan atau janda? Jawabku (Jabir): Aku telah berkahwin dengan janda. Sabda Nabi saw: Mengapa tidak kamu berkahwin dengan perempuan masih dara, kamu dapat bermain dengannya dan ia dapat bermain denganmu.

(Sahih al-Bukhariyy, Kitab *bad' al-Wahyi*, bab *isti'zan ar-rajul al-Imam*, no. 2967)

Hadith tersebut jelas menggalakkan perkahwinan dengan perempuan masih dara. Ia juga sangat penting kerana perempuan yang masih dara dapat melahirkan zuriat yang ramai.

Mahar atau mas kahwin wanita yang masih dara lebih tinggi berbanding wanita yang janda. Oleh yang demikian, jika sekiranya seseorang membayar mahar untuk isterinya dengan mahar perempuan dara, lalu ternyata ia bukan lagi dara atau telah janda, maka dibolehkan untuknya meminta untuk dikembalikan lebih mahar yang dibayar itu dari kadar mahar seorang yang bukan lagi dara. Hal ini kerana bayaran yang dibayar itu sebagai pertukaran apa yang dikehendaki (dara), maka tidak wajib dia membayar sebagai pertukaran dengan perkara yang tidak ada (dara) (Ibnu 'Abidin, 1992). Jika sekiranya seorang suami mensyaratkan dalam akad agar isterinya masih dara, lalu ternyata ia bukan lagi dara, maka para ulama berbeza pandangan adakah bagi suami itu hak untuk menfasakhkan isterinya kepada dua pandangan :

1. Di sisi mazhab Hanafi: pendapat yang paling kuat dari dua pandangan dalam mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali: tidak ada hak bagi suami untuk mengfasakhkan isterinya yang tidak mempunyai sifat dara yang disyaratkan (Ibnu 'Abidin, 1992, Ibnu Qudamah, 1983).
2. Di sisi mazhab Maliki: bagi suami hak untuk fasakh jika ayah kepada isterinya mengetahui bahawa anaknya bukannya dara dan menyembunyikannya (al-Khurasyi, t.t).

Jelaslah di sini bahawa perempuan yang masih dara sangat penting dalam penentuan mahar atau mas kahwinnya. Persetujuan pinangan seorang lelaki terhadap seseorang perempuan yang dara dapat diketahui melalui diamnya sebagai tanda setuju. Ini berdasarkan hadis Nabi saw:



الْأَمُّ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا وَالْبَكْرُ تُسْتَأْذَنُ فِي نَفْسِهَا وَإِذْهَا صُمَائُهَا

Terjemahan: Perempuan yang telah berkahwin (janda) lebih berhak ke atas dirinya berbanding walinya, dan perempuan yang masih dara hendaklah diminta izinnya pada dirinya (untuk dikahwinkan dengan seseorang lelaki), dan izinnya itu adalah dengan diamnya.

(Sahih Muslim, Kitab *al-Nikah*, bab *isti'zan at thayyib fi an-nikah bi an-nutq*, no. 3541)

Kerosakan terhadap selaput dara boleh berlaku disebabkan beberapa perkara (Na'im Yasin, 1996; An-Najjar, 2009; Al-Hasani, 2001), seperti berikut:

1. Rosaknya dara disebabkan oleh faktor-faktor selain bersetubuh seperti rosaknya disebabkan semula jadi, kemalangan, haid yang kuat dan seumpamanya.
2. Rosaknya dara disebabkan rogol atau dipaksa berzina.
3. Rosaknya selaput dara disebabkan perlakuan zina bagi perempuan yang diketahui umum dengan perbuatannya.
4. Rosaknya selaput dara disebabkan zina bagi perempuan yang tidak diketahui umum perbuatan zinanya.
5. Rosaknya selaput dara disebabkan persetubuhan suami isteri.

Masalah Pembedahan Hyemenoplasti

a. Menutup Keaiban

Islam sangat mementingkan soal menutup keaiban seseorang dalam apa jua perkara. Pemulihan selaput dara terkandung di dalamnya tuntutan menutup keaiban yang merupakan tujuan yang sangat besar di dalam ajaran Islam supaya dipelihara. Ia bersesuaian dengan nas daripada hadith Nabi S.A.W :

لَا يَسْتُرُ عَبْدٌ عَبْدًا فِي الدُّنْيَا إِلَّا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: Tidaklah menutup seseorang hamba aib seseorang hamba yang lain di dunia kecuali Allah akan menutup aibnya di akhirat.

(Sahih Muslim, Kitab *al-Birr wa as-Silah wa al-Adab*, bab *bisarah man satarahu Allah Ta'ala*, no. 6760)

Berdasarkan hadith ini, jelaslah kepada kita bahawa memelihara maruah dan aib seseorang sangat penting di dalam Islam. Pemulihan selaput dara adalah salah satu daripada pemeliharaan maruah dan aib seseorang. Di sana terdapat kebaikan atau masalah lain yang menyusuli masalah ini; iaitu mewujudkan keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga pada masa akan datang (pernikahan). Keenggan doktor untuk memulihkan selaput dara seseorang wanita membawa



mereka menjadi mangsa fitnah kepada suaminya setelah mengetahui tiada atau rosaknya dara isterinya pada malam persetubuhan. Walaupun mungkin kadang-kadang ia tidak membawa kepada penceraian, akan tetapi ia akan menghilangkan kepercayaan antara dua pihak. Oleh itu, mewujudkan kebahagiaan mesti diwujudkan kerana ia merupakan tujuan dan maksud daripada pernikahan. Ini bersesuaian dengan firman Allah S.W.T dalam surah ar-Rum ayat 21 :

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.

(Surah al-Rum 30: 21)

Ayat ini menjelaskan bahawa tujuan Allah menciptakan manusia berpasang-pasangan untuk memastikan kebahagiaan dan ketenangan dan menjadikan di antara kedua-duanya kasih sayang (al-Zuhayli, 2010).

b. Pemeliharaan Dari Sangkaan Buruk Manusia

Islam melarang daripada menyangka buruk terhadap seorang muslim yang lain sehingga diturunkan ayat yang khusus tentang larangan daripada banyak bersangka buruk. Tersebaranya berita seseorang wanita yang pecah daranya adalah hasil daripada sangkaan buruk yang meresap di dalam jiwa seseorang. Oleh itu, mencegah dari timbulnya sangkaan yang buruk terhadap wanita yang pecah dara adalah sangat disuruh di dalam Islam. Sepertimana yang dijelaskan sebelum ini, bahawa masyarakat hari ini kebanyakannya akan terus menghukum seseorang yang pecah daranya adalah akibat terjerumus di dalam kejelikan zina (Muhammad 'Ali Qutb, 1990).

Pemulihan selaput dara adalah jalan terbaik untuk menutup sangkaan dan penyebaran berita-berita palsu terhadap perempuan yang suci. Maka pemulihan ini merupakan masalah yang sudah tentu termasuk daripada tujuan dan kehendak syara' agar sangkaan buruk dapat dihapuskan. Ini bertepatan dengan ajaran al-Quran di dalam surah al-Hujurat ayat 12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Terjemahan: wahai orang-orang yang beriman jauhilah kebanyakan daripada sangkaan, kerana sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa.

(Surah Al-Hujurat 49: 12)



Jelasnya di dalam ayat ini bahawa sebahagian sangkaan itu adalah dosa. Sudah tentu yang berdosa itu adalah sangkaan buruk. Oleh itu, tersebarnya sangkaan buruk yang tidak benar adalah suatu kezaliman terhadap perempuan yang suci dari sangkaan buruk itu. Begitulah pentingnya memelihara daripada tersebarnya sangkaan buruk, bahkan dikhabarkan oleh Rasulullah bahawa sangkaan adalah seburuk-buruk berita. Sabda nabi S.A.W :

إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ

Terjemahan: Awaslah kamu dari bersangka-sangka (sangka buruk), kerana sangkaan itu adalah seburuk-buruk berita.

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab bad' al-Wahy, bab qawl Allah Ta'ala 'min Ba'd wasiyyat yuso biha aw dayn', no. 5143)

c. Kesaksamaan dan Keadilan Antara Lelaki dan Perempuan

Islam sangat mementingkan keadilan di dalam semua perkara dan tidak pernah membezakan ukuran kemuliaan manusia dengan perbezaan jantina. Oleh itu, bagi memastikan keadilan ini sudah tentu dibolehkan bagi seseorang perempuan yang rosak daranya untuk memulihkannya. Ini kerana, jika seseorang memandang seseorang perempuan itu dikira tidak suci kerana pecah daranya, bagaimana pula untuk dihukum seseorang lelaki itu tidak suci. Bahkan seseorang lelaki sekalipun melakukan perbuatan yang keji (zina), tidak terdapat sebarang tanda yang menunjukkan ia melakukan perkara tersebut pada anggota badannya (Na'im Yassin, 1996).

Seseorang lelaki yang pernah berzina tidak dihukum ia sebagai pezina kecuali jika sabit hukuman dengan empat orang saksi atau pengakuannya (al-Nawawi, 2010). Namun malang sekali perempuan yang masih terpelihara kehormatannya dihukum kebiasaannya di dalam masyarakat sebagai wanita durjana sekalipun tidak pernah terbukti dengan jalan syar'ie terlibat dengan perbuatan keji tersebut, hanya kerana hilangnya dara. Sementara itu, perempuan yang telah berkahwin tidak dihukum seumpama ini sekalipun terlibat dengan perbuatan keji ini.

Oleh itu, tercapai kehendak syara' supaya berlaku adil diantara lelaki dan perempuan dengan dibenarkan bagi perempuan yang hilang daranya untuk dipulihkan dengan keadaan yang tertentu yang akan disebut hukumnya selepas ini. Tidak dapat diragui juga bahawa menegakkan keadilan diantara manusia di hadapan kanun syar'ie merupakan tujuan syara', kecuali apa yang disebut pengecualiannya dengan dalil syara' yang muktabar (Na'im Yasin, 1996).

d. Mafsadah Penipuan dan Pengkhianatan

Islam amat melarang sebarang pengkhianatan dan penipuan pada apa jua cara dan keadaan kecuali di dalam beberapa keadaan yang terkecuali kerana keadaan yang darurat. Pemulihan selaput dara secara jelas termasuk daripada penipuan kepada bakal suami, kerana ia memperdayakan bakal suaminya dan menyembunyikan tentang kesuciannya sebelum pernikahan. Seseorang lelaki sudah tentu tidak akan meneruskan pernikahannya dengan perempuan yang pecah daranya, kerana dibimbangi berlaku percampuran nasab keturunannya



dengan lelaki lain. Bahkan dibimbangi anak yang dilahirkan bukan dari sulbinya. Sabda Rasulullah S.A.W :

مَنْ عَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا

Terjemahan: Sesiapa yang menipu kami, maka ia bukan dari kalangan kami (bukan mengikut cara Islam).

(Muslim, *Sahih Muslim, Kitab al-Iman, bab qawl al-Nabiyy man ghassana fa laisa minna*, no. 294)

Hadith di atas jelas bahawa sebarang penipuan diharamkan oleh Islam. Lafaz yang di sebut oleh Nabi S.A.W begitu tegas untuk mencegah dengan sekeras-kerasnya penipuan dan pengkhianatan (al-Nawawi, t.t). Pemulihan selaput dara termasuk daripada penipuan kepada seorang suami tentang kesucian seorang isteri sedangkan kesuciannya telah dinodai. Sebahagian para ulama berpandangan sebagaimana yang dinukillkan daripada 'Ali, Al-Barra', Ibn Mas'ud bahawa dilarang berkahwin dengan perempuan yang berzina (al-Sabuni, 1980). Mereka berhujahkan dengan firman Allah Ta'ala di dalam surah al-Nur ayat ketiga:

الرَّائِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرِّمَ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

Terjemahan: Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik; dan perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin berkahwin dengannya melainkan oleh lelaki yang berzina atau musyrik. Dan perkahwinan yang demikian itu terlarang kepada orang-orang yang beriman.

(Surah al-Nur 24: 3)

Pembedahan doktor yang merawat perempuan yang pecah daranya kerana zina termasuk daripada bentuk penipuan dan mendorong kepada perkahwinan seseorang lelaki dengan mereka. Oleh itu, pemulihan ini adalah penipuan yang mesti dihindari (Na'im Yassin, 1996).

e. Mafsadah Gesaan Ke Arah Zina

Sepertimana pemulihan selaput dara merupakan penipuan terhadap suami, ia juga menjadi sebab yang mendorong perempuan yang berzina yang telah rosak daranya dapat memulihkan selaput daranya yang rosak agar terus dapat merasai nikmat penzinaannya. Sedangkan zina sangat dilarang di dalam Islam, begitu juga jalan dan galakan yang membawa kepadanya juga dilarang di dalam Islam. Ia bersesuaian dengan firman Allah Ta'ala di dalam surah al-Isra' ayat 32:



وَلَا تَقْرُبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Terjemahan: janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina merupakan perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

(Surah Al-Isra' 15: 32)

Pemulihan selaput dara ini bercanggah dengan kehendak syarak yang mengharamkan zina dan bercanggah dengan pensyariaan hukuman hudud bagi penzina. Sebagaimana Islam melarang berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan di tempat yang sunyi kerana ia membawa kepada zina, maka pemulihan selaput dara juga merupakan jalan yang membawa zina yang mesti dicegah.

f. Mafsadah Pendedahan Aurat

Para *fuqaha'* menganggap faraj dan sekelilingnya adalah aurat yang diharamkan melihatnya lebih-lebih lagi menyentuhnya kecuali jika terdapat keperluan terdesak (al-Syarbini, 1994). Pemulihan selaput dara sudah tentu memerlukan kepada melihat dan menyentuhnya dan ia merupakan sentuhan dan penglihatan tanpa sebab yang membenarkan. Ini kerana kedua-dua perkara ini tidak diharuskan kecuali dalam keadaan darurat dan berhajat (Al-Izz ibn Abd as-Salam, 1968).

Hukum Pembedahan Hyemenoplasti dan Pendapat Ulama Berkaitannya

Hukum memulihkan selaput dara berbeza hukumnya mengikut keadaan-keadaannya. Perlu diketahui, hukum-hukum yang akan dijelaskan akan ditimbang di dalam neraca maqasid syariah; masalah dan mafsadah yang dibincangkan sebelum ini. Ini kerana tidak terdapat dalil khusus secara putus (*qat'iy*) daripada al-Quran dan al-Sunnah berkaitan hukum proses pemulihan selaput dara kecuali terdapat dalil-dalil umum atau kaedah-kaedah umum yang dapat dijadikan sandaran.

a. Faktor Selain Hubungan Seksual seperti Semulajadi, Kemalangan, Haidh yang Kuat dan Seumpamanya

Para ulama berbeza pandangan di dalam menentukan hukum pemulihan selaput dara bagi keadaan ini kepada dua pandangan. Pertama, hukumnya adalah haram secara mutlak. Pandangan ini diketengahkan oleh beberapa orang ulama, antaranya Izzuddin al-Tamimi, Muhammad Mukhtar as-Shanqiti dan Khalid Mansur (Al-Tamimi, 1987, Al-Syanqiti, 1994, Khalid Mansur, 1999). Mereka berhujah bahawa pemulihan selaput membuka jalan kepada zina. Selain itu mereka menyatakan bahawa proses pemulihan ini sudah tentu membawa kepada pendedahan aurat tanpa sebab. Pendapat kedua, hukumnya adalah harus. Pandangan ini diketengahkan oleh Taufiq al-Wa'ie, Muhammad Na'im Yasin dan lain-lain (Al-Wa'ie, 1987,



Muhammad Na'im Yasin, 1996). Mereka berhujahkan dengan melihat kepada maqasid syariah; menimbang kebaikan dan keburukan yang terdapat pada pemulihan tersebut.

Keadaan pemulihan ini menepati masalah-masalah yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu pemulihan selaput dara pada keadaan ini menepati tujuan atau kehendak syara' supaya dipelihara aib seseorang dari tersebar. Islam memerintahkan supaya penganutnya menutup aib atau dosa yang dilakukan oleh orang lain sebagaimana telah dijelaskan nas-nasnya sebelum dari ini. Golongan ini lebih berhak untuk dipelihara kehormatan mereka kerana mereka adalah golongan yang tidak menjebakkan diri kepada perlakuan zina, tambahan sebab-sebab yang membawa kepada rosaknya dara mereka adalah di luar kehendak mereka. Bahkan mereka tidaklah dikira berdosa di sisi Allah disebabkan apa yang menimpa mereka. Maka menutup aib mereka daripada terdedah kepada suami dan keluarga seterusnya kepada masyarakat adalah suatu yang dituntut di dalam agama, tambahan menjamin kebahagiaan rumah tangga sehingga ke akhir hayat.

Oleh kerana Islam mementingkan kepada kesudahan dan akibat sesuatu perkara, maka membawa perempuan yang tidak berdosa kepada hukuman manusia adalah ditegah sama sekali. Untuk mengharamkan hukum pemulihan selaput dara bagi keadaan seperti ini adalah bercanggah dengan maqasid syariah Islamiah. Tugas doktor dalam merawat nasib wanita seperti ini adalah sangat dituntut bahkan menjadi kewajipan apabila diminta. Memulihkan selaput dara bagi keadaan seperti ini juga dapat memastikan terjaganya masalah *husnu zhan* (bersangka baik).

Oleh itu, perempuan yang tidak bersalah mestilah dibela daripada menjadi mangsa kepada sangkaan buruk tersebut. Merawat wanita seperti ini dapat menolak keburukan sangkaan buruk yang membawa kepada keretakan rumah tangga dan penderitaan apabila berada di dalam masyarakat. Pemulihan bagi keadaan ini memberi semangat kepada mereka yang mengalami masalah ini agar terus beristiqamah dan menutup lubang-lubang bisikan syaitan yang membawa kepada akibat yang buruk.

Adapun mafsadah atau keburukan bagi pemulihan selaput dara bagi keadaan ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengan masalahnya. Mafsadah tersebut tidak memberi kesan kepada keharusan pemulihan selaput dara kerana antara mafsadah yang wujud adalah pembohongan kepada lelaki yang bakal mengahwininya. Namun perlu diketahui, bahawa pemulihan selaput dara bagi keadaan ini tidaklah terdapat mafsadah tersebut. Oleh itu, pemulihan yang dilakukan oleh doktor kepada perempuan seperti ini bukanlah sesuatu penipuan kepada bakal suaminya.

Dari sudut hukum fiqh, dapat disimpulkan bahawa para fuqaha' hampir bersepakat bahawa kehilangan dara tidak boleh dianggap aib yang membolehkan *fasakh* akad nikah jika suami itu tidak mensyaratkan secara terang-terangan supaya wujudnya dara bagi bakal isterinya (al-Kasani, 1982, Ibnu Qudamah, 1983, Ibnu 'Abidin, 1992). Adapun mafsadah menggalakkan untuk melakukan kekejian zina tidaklah timbul bagi perempuan seumpama ini, kerana mereka bukanlah perempuan yang terjebak di dalam kekejian zina daripada awal lagi, juga bukan perempuan yang melakukan maksiat kepada Tuhannya.

Keengganan doktor untuk merawat perempuan seperti ini tidaklah terdapat tujuan untuk menghalang daripada kekejian zina. Bahkan keengganan doktor untuk merawat mereka menjadi galakan kepada maksiat. Ini kerana kadang-kadang bisikan dapat mengalahkan seseorang wanita dengan perasaan berbagai-bagai seperti merasakan diri tidak berharga lagi dan akhirnya membawa akibat yang buruk (Na'im Yassin, 1996). Adapun mafsadah membuka aurat, tidak diragui ianya wujud di dalam proses pemulihan selaput dara ini. Walaubagaimanapun, diharuskan membuka dan melihatkannya jika terdapat hajat atau masalah yang kuat (*rajihah*)



atau terdapat mafsadah yang lebih besar untuk ditolak berbanding mafsadah yang kecil. (al-Izz ibn Abd as-Salam, 1967, al-Syarbini, 1994). Hal ini berdasarkan kaedah-kaedah fiqh yang berikut (al-Suyuti, 2009; Syubir, 2007):

الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف

Terjemahan: Mudarat yang lebih besar dihilangkan dengan melakukan mudharat yang lebih ringan.

إذا تعارض مفسدتان روعي بأعظمهما بارتكاب أخفهما

Terjemahan: Apabila bertembung dua mafsadah diraikan untuk menolak yang lebih besar mafsadahnya dengan melakukan mafsadah yang lebih ringan.

Berkata al-Izz bin Abd as-Salam:

“Mendedahkan aurat dan melihat kepadanya adalah diharamkan kepada orang yang melihatnya dan mendedahkannya, kerana terdapat padanya pencerobohan terhadap sesuatu yang sepatutnya disembunyikan, dan diharuskan jika terkandung di dalamnya masalah berkhitan, berubat (merawat)...”

(al-Izz bin Abd as-Salam 1967)

Oleh itu, selama mana memenuhi syarat yang disebut maka hukumnya adalah harus. Dan pemulihan selaput dara di dalam keadaan ini termasuk daripada masalah yang dibenarkan untuk didedahkan aurat sekadar yang diperlukan. Kesimpulannya, hukum pemulihan selaput dara di dalam keadaan ini diharuskan berdasarkan hujah-hujah yang telah disebut. Ia juga terpakai kepada keadaan kerosakan selaput dara akibat rogol dan zina secara paksa.

b. Faktor Zina

Menjadi kebiasaan bahawa selaput dara hilang dengan sebab zina. Oleh kerana itu, zina kadang-kadang berlaku dalam keadaan yang berbeza-beza. Terdapat dua keadaan bagi perempuan berzina yang membawa kepada perbezaan hukum iaitu perempuan yang telah tersebar di khalayak orang ramai tentang perbuatannya seperti pelacur yang masyhur dengan perbuatan zina atau perempuan yang telah dijatuhkan hukuman zina oleh hakim dan perempuan yang tersembunyi perbuatan zinanya di khalayak orang ramai (Basri Ibrahim, 2001, Naim Yasin, 1996). Bagi keadaan pertama, pemulihan selaput dara bagi keadaan ini adalah haram kerana tidak menepati masalah-masalah yang telah disebutkan sebelum ini bagi pemulihan selaput dara. Bahkan pemulihan ini tidak tersembunyi daripada keburukan atau mafsadah seperti penipuan, galakan kepada zina dan pendedahan aurat tanpa sebab yang dibenarkan semasa proses pemulihan selaput dara. Pemulihan di dalam keadaan ini secara jelas tidak menepati maqasid syariah, bahkan bercanggah dengan prinsip ajaran Islam itu sendiri. Oleh itu, pemulihan selaput



dara di dalam keadaan ini adalah haram untuk menutup jalan-jalan yang membawa akibat buruk yang lebih besar. Dan setiap yang membawa kepada perkara yang haram adalah haram (al-Qaradawi, 1994).

Bagi keadaan kedua pula, hukum pemulihan selaput dara bagi keadaan ini adalah sama seperti pemulihan disebabkan kerosakan dara secara semula jadi. Walaupun begitu, terdapat perbezaan yang ketara di antara situasi ini, kerana kerosakan dara pada keadaan ini adalah disebabkan perbuatan sendiri, berbeza dengan kerosakan disebabkan semula jadi atau selain zina.

Setelah melihat situasi ini dapat dipertimbangkan untuk diperbolehkan pemulihan selaput dara bagi keadaan ini setelah membandingkan antara masalah dan mafsadah yang berlaku dengan syarat ia dilakukan setelah bertaubat dari perbuatan zina. Hal ini kerana, mafsadah memperdayakan suami tentang kesucian diri tidak wujud kerana seseorang perempuan yang telah bertaubat dianggap suci di dalam Islam. Begitu juga mafsadah untuk menggalakkan penzinaan dari pemulihan selaput dara ini juga tidak wujud kerana ia hanya menjadi galakan bagi perempuan yang tidak bertaubat dari perbuatan kejinya. Walaupun mafsadah mendedahkan aurat wujud namun sepertimana yang telah disebut bahawa keperluan atau hajat untuk menolak mudharat pecahnya selaput dara lebih besar daripada memikul mafsadah pendedahan aurat. Kesimpulannya, hukum pemulihan selaput dara bagi keadaan ini diharuskan dengan syarat yang telah disebut.

c. Faktor Hubungan Seksual Suami Isteri

Perempuan yang kehilangan dara dengan sebab ini tidaklah mempunyai sebarang masalah yang dikehendaki syarak dengan pemulihan selaput dara, kerana pemulihan selaput dara adalah bertujuan untuk memelihara aib perempuan tersebut, juga untuk menolak sebarang sangkaan buruk yang datang dari mana-mana pihak. Maka pemulihan di sini tidak mendatangkan sebarang masalah yang disebut. Bahkan kerosakan selaput dara bagi keadaan ini langsung tidak mendatangkan sebarang mafsadah atau keburukan sebagaimana keadaan-keadaan sebelum ini.

Oleh itu, pemulihan selaput dara bagi keadaan ini adalah haram, kerana tidak menepati maqasid syariah; iaitu sunyi dari sebarang masalah dan tidak tersembunyi dari sebahagian mafsadah yang diharamkan seperti pendedahan aurat tanpa sebab yang dibenarkan semasa proses pemulihan selaput dara. Hukum pemulihan selaput dara di sini adalah haram bahkan secara sepakat di kalangan para ulama (Basri Ibrahim, 2011).

Kesimpulan

Kesimpulannya, pemulihan selaput dara atau proses pemulihannya berbeza hukumnya berdasarkan perbezaan keadaan yang berlainan. Maka bagi menyatakan haram secara mutlak atau harus secara mutlak adalah bercanggah dengan prinsip agama Islam yang bersifat dengan *wasatiyyah* atau tidak melampau dan tidak juga memandang remeh terhadap sesuatu. Oleh itu, bagi mencapai maksud syarak dan menepati landasan syariat, maka hendaklah seseorang perempuan muslim yang mahu melakukan pemulihan ini tidak memandang mudah di dalam perkara ini dan semestinya mengetahui hukum hakam yang berkait. Begitu juga bagi doktor yang melibatkan pemulihan ini mestilah tidak bersekongkol dengan wanita yang diketahui keadaannya tidak dibenarkan melakukan pemulihan sebagaimana yang telah disebut. Adapun



wanita yang tidak diketahui keadaannya, maka hukumnya kembali pada asalnya (tidak terlibat dengan maksiat zina), maka doktor dibenarkan melakukan proses pemulihan ini.

Rujukan

- 'Imad 'Ali Jumu'ah. (2006). *al-Qawā'id Fiqhiyyah al-Muyassarah*. Amman: Dār an-Nafāis.
- Al-Azhari, Basri Ibrahim al-Hasani. (2011). *Al-Qadhāyā al-Fiqhiyyah al-Muā'sirah al-Muta'lliqah Bi al-'Ibādāt Wa al-Mu'āmalat Wa al-'Usrah Wa at-Tibb Wa al-'Alāqah al-Ijtimā'iyyah*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal 'Abidin.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1987). *Sahih al-Bukhārī*. al-Kaherah: Dār as-Sya'b.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din al-Kasani. (1982). *Badā'i al-Sanā'i Fi Tartib al-Syarā'i*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi.
- Al-Khurasī, Abu Abdullah Muhammad. (t.t). *Al-khurasī 'ala mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar Sodr.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syaraf. (2000). *Minhaj al-Talibin wa 'umda al-Muftin*. Kaherah: Dar al-Tawfiqiyah li al-Turath
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syaraf. (t.t). *Al-Minhaj Syarh Shahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ihya' at-Turath al-'Arabi.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1980). *Rawa'i al-Bayan Tafsir ayat al-Ahkam min al-Qur'an*. Dimashq: Maktabah al-Ghazali
- Al-Salmi, Izz ad-Din 'Abd al-'Aziz ibn 'Abd al-Salam. (1968). *Qawa'id al-Ahkam Fi Masalih Al-Anam*. Kaherah: Dar as-Syarq.
- Al-Salmi, Izz ad-Din 'Abd al-'Aziz ibn 'Abd al-Salam. (1994). *Al-Qawa'id as-Sughro*. Kaherah: Dar Turathiah, Maktabah as-Sunnah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman. (2009). *Al-Ashbah wa al-Nazair*. Kaherah: Dar al-Tawfiqiyah li al-Turath
- Al-Syanqiti, Muhammad Mukhtar As-Syanqiti. (1994). *Ahkam al-Hajah at-Tibbiyyah Wa al-Athar al-Mutarattibah 'Alaiha*. Al-Shariqah: Maktabah Sahabah.
- Al-Syarbini, Muhammad ibn Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj*. Dar-al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Wa'ie, Taufiq al-Wa'ie. (1987). *Hukm Ifsha' as-Sirr Fi al-Islam*. Kuwait: Al-Munazzamah al-Islamiyyah Li al-'Ulum al-Islamiyyah.
- An-Najjar, 'Abd Allah Mabruk. (2009). *Al-Hukm as-Syar'ie Li Jirahah Islah Ghisya' al-Bikarah*. Al-Azhar as-Syarif: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah, al-Mu'tamar al-Thalith 'Asyar.
- At-Tamimi, 'Izz ad-Din at-Tamimi. (1987). *Ratq Ghisa' al-Bikarah Min Manzur Islami*. Kuwait: Al-Munazzamah al-Islamiyyah Li al-'Ulum al-Islamiyyah.
- Heger, Astrid H.; Emans, S. Jean, eds. (2000). *Evaluation of the Sexually Abused Child: A Medical Textbook and Photographic Atlas*. New York: Oxford University Press. pp. 61-65. ISBN 9780195074253.
- Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin 'Abidin bin Umar 'Abidin. (1992). *Hasyiah Ibn 'Abidin*. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibnu Manzur, Jamal al-Din Abu 'Abdillah Muhammad. (t.t). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Qudamah, Muwaffiq ad-Din Abu Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Qudamah. (1983). *al-Mughniyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mansur, Khalid Mansur. (1999). *Al-Ahkam at-Tibbiyyah al-Muta'lliqah Bi an-Nisa' Fi al-Fiqh al-Islami*. Amman: Dar an-Nafais.
- Muslim, Muslim bin Al-Hajjaj. (t.t) *Sahih Muslim*. Beirut: Maktabah Dar Al-Jail.



- Qutb, Muhammad 'Ali Qutb. (1990). *Mutiara perkhahnninan menurut ajaran Islam (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Syubir, Muhammad Ustman Syubir. (2007). *Al-Qawa'id al-Kulliah Wa ad-Dhawabit al-Fiqhiyyah*. Amman: Dar an-Nafais.
- Wahbah Az-Zuhayli. (2010). *at-Tafsir al-Wajiz 'ala Hamisy al-Qur'an al-'Azim*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Yasin, Muhammad Na'im Yasin. (1996). *Abhath Fiqhiyyah fi Qadhaya Thibbiyyah Mu'asirah*. Amman: Dar an-Nafais.
- Yusuf al-Qaradawi. (1994). *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam*. Amman: al-Maktab al-Islami.